

Gagasan 1Malaysia Perlu Terus Diamalkan Dalam Bentuk Sambutan Perayaan Bernama
17 November, 2012

SUNGAI SIPUT, 17 Nov (Bernama) -- Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak perlu terus diamalkan dalam bentuk perayaan seperti penganjuran Hari Rumah Terbuka Deepavali, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata gagasan tersebut bukan sekadar dilaungkan oleh para pemimpin negara malah perlu disemai menerusi perayaan daripada pelbagai kaum.

"Ini adalah bagi memperlihatkan bahawa seluruh rakyat berada dalam satu hati satu tekad dalam memperjuangkan gagasan tersebut," katanya ketika berucap pada majlis Rumah Terbuka Malaysia di Ladang InfoTernak di sini.

Bercakap mengenai majlis itu, beliau berkata sambutan rumah terbuka yang berlangsung hari ini merupakan tanda penghormatan kerajaan terhadap seluruh masyarakat India di negara ini.

Rais turut melahirkan rasa terima kasih kepada masyarakat India di Sungai Siput yang menyambut baik kehadiran Perdana Menteri selain bertungkus lumus menyediakan persiapan sambutan tersebut sejak tiga hari lalu.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Presiden MIC G.Palanivel berkata sambutan meriah dengan kehadiran lebih 25,000 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat dan kaum merupakan satu semangat perpaduan terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Di dunia ini tiada negara yang meraikan sambutan yang sebegini sama ada di India mahupun Singapura," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709638>